

## Kembara Misi Perdana de'Everest 2011 ke seluruh negara

PUTRAJAYA 18 Mei – Program Kembara Misi Perdana de'Everest 2011 bersedia melakukan penjelajahan ke seluruh negara untuk menarik minat golongan muda terhadap sukan mendaki.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Shabery Cheek berkata, program kembara tersebut akan diadakan di Kompleks Belia dan Sukan di setiap negeri termasuk Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurutnya, program kembara itu juga bertujuan menerangkan kepada masyarakat tentang misi yang berbeza dengan pendakian sebelum ini dengan menggunakan laluan lebih berliku iaitu melalui Tibet, China.

“Secara tidak langsung program yang akan diadakan selama tiga hari di setiap destinasi mampu menarik minat orang ramai mendapatkan pengetahuan dalam bidang sukan ekstrem, penerokaan dan pengembaraan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Majlis Pelepasan Kembara Misi Perdana de'Everest 2011 di Menara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di sini hari ini.

Turut hadir Presiden Persatuan Kembara Negara, Datuk Khalid Yunus.

Program kembara anjuran bersama KBS, Classic D'Organiser Sdn. Bhd.



**AHMAD Shabery Cheek (tengah) dan Khalid Yunus (lima dari kiri) bersama para pendaki Gunung Everest pada Majlis Pelancaran Kembara Perdana de'Everest 2011 di Putrajaya, semalam.**

dan Persatuan Kembara Negara bermula dengan rasminya hari ini dan akan berakhir Mac tahun depan.

Selain Khalid, enam pendaki lain iaitu Mohd. Illaham Ishak, 36, (ju-

rutera Celcom), Shahrul Azuan Shahrudin, 30, (guru), Zainul Fikri Mohd. Idris, 31, (anggota tentera), Roslizawati Rashidi, 27, (ahli nutrisi Nestle), Mohamad Shaheir Sabaruddin, 27, (pe-

lajar UiTM) dan Mohd. Dendera Billah Zamzuri, 30, (usahawan) akan turut menyertai program kembara tersebut.

Sementara itu, Khalid yang mengetuai misi itu berkata, program

kembara tersebut akan turut melakukan lawatan ke sekolah-sekolah untuk menarik minat pelajar dengan memberi pendedahan maklumat sukan mendaki kepada mereka.

19/5/2010